

JAWAPAN

PELAJARAN
24

Qanaah Hiasan Peribadi

1. Qanaah dari sudut bahasa ialah reda manakala dari sudut istilah ialah berasa cukup dan reda dengan nikmat kurniaan Allah SWT.
2. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:
Maksud: Kekayaan itu bukanlah dengan banyaknya harta tetapi kekayaan itu adalah dengan kaya jiwa (hati yang selalu berasa cukup). (Muttafiq alaih)
3. Rasulullah SAW sekeluarga tidak pernah makan makanan yang mewah seperti roti yang diperbuat daripada gandum halus apatah lagi makan hingga kekenyangan. Pernah berbulan-bulan di rumah baginda tiada sesuatu untuk dimasak.
4. • Sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT
• Selalu bertawakal kepada Allah SWT
• Hidup secara sederhana dan tidak boros
5. (a) Hidup sentiasa tenang dan tenteram.
(b) Kemuliaan diri terpelihara.
(c) Memupuk sifat sabar dan syukur.
6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

1. C
2. C

Bahagian E

1. (a) (i) sabar
(ii) bertawakal
(iii) mewah
(iv) tenang

- (b) Pada pendapat saya, hal ini kerana sifat qanaah merupakan salah satu rukun takwa yang disebut oleh Sayidina Ali r.a. Selain itu, seseorang yang mengamalkan sikap qanaah akan mendapat ketenangan jiwa dan hati serta kebahagiaan hakiki dalam kehidupannya kerana dia sentiasa berasa cukup dengan apa yang ada walaupun sedikit serta tidak lupa untuk mensyukuri segala nikmat yang Allah kurniakan kepadanya. Oleh itu, tidak musyik jika Islam amat menuntut umatnya agar mengamalkan sikap qanaah dalam kehidupan kerana terdapat banyak hikmah disebaliknya.
(c) (i) Hidup sentiasa tenang dan tenteram
(ii) Kemuliaan diri terpelihara

POWER KBAT

1. Azri hendaklah sedar dan yakin bahawa setiap manusia dikurniakan Allah kelebihan masing-masing. Kesannya, hati akan menjadi tenang kerana bersyukur dengan rezeki kurniaan-Nya. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bersikap qanaah agar termotivasi untuk meningkatkan kualiti kehidupan ke arah yang lebih baik.
2. Kehidupan akan menjadi tidak tenteram kerana selalu merasa tidak cukup dengan nikmat yang diberikan. Hal ini boleh menyebabkan seseorang itu mudah bersikap dendki dan iri hati terhadap kelebihan orang lain sehingga sering berkeluh kesah dan merungut membandingkan rezekinya dengan orang lain. Oleh itu, kita hendaklah optimis terhadap ketentuan Allah SWT supaya tidak mudah kecewa dan berputus asa atas nikmat-Nya.
3. Saya akan melazimkan diri menghitung segala nikmat yang Allah kurniakan dan mengelakkan diri daripada memikirkan segala kekurangan yang membengelu. Selain itu, saya juga akan menggandakan usaha untuk mendapat rezeki lain yang lebih baik kerana Islam tidak menyekat umatnya berusaha bersungguh-sungguh mencari rezeki. Oleh itu, sifat qanaah amat digalakkan untuk disemai dalam diri seseorang agar dapat sentiasa mengingati akan nikmat-Nya.